

28/03/2003

SARS punca Singapura tarik diri

Saufi Hamzah; Haryani Ngah

MASALAH penyakit Sindrom Kesukaran Pernafasan Teruk (SARS) yang melanda Singapura memaksa negara jiran itu menarik diri di saat akhir daripada menyertai Kejohanan Bowling Sekolah-sekolah Asia edisi keenam di Mega Lanes, Seberang Prai, bermula 4 April ini.

Setiausaha kehormat, Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC), Sidney Tung

berkata, pengurus pasukan Singapura memaklumkan berhubung penarikan diri itu pagi semalam.

Penarikan itu dibuat kerana penduduk Singapura diletakkan dalam rumah bagi mengelakkan merebaknya penyakit misteri itu.

"Singapura sentiasa memberi saingan buat pasukan bertanding di kejohanan

ini dan penarikan ini agak menyedihkan dan kita tidak boleh berbuat apa-apa," katanya ketika di temui di Pyramid Bowl, Bandar Sunway, semalam.

Sementara itu, Malaysia menyandarkan harapan kepada pemain kebangsaan untuk mempertahankan gelaran juara keseluruhan pada kejohanan kali ini.

Skuad lelaki pastinya bertenaga dengan kehadiran Jonathan Lim, yang mewakili Malaysia ketika muncul juara dalam Kejohanan Piala Berpasukan Dunia, baru-baru ini.

Gandingan pemain adik beradik, Yazlin dan Yaliza Razlan pula tampak berupaya membantu pasukan perempuan dalam Kejohanan Bowling Sekolah-sekolah Asia itu.

Malaysia muncul juara lelaki dan wanita ketika beraksi dalam kejohanan yang sama di Australia, tahun lalu.

Malaysia menurunkan dua pasukan lelaki dan perempuan untuk kejohanan lima hari itu.

Pasukan lelaki A diwakili Aaron Kong yang meraih perfect game di Australia, Jonathan, Nadri Mohd Noor dan Karry Chang manakala Eirc Ang, Steven Yam, Mahathir Mohd Nor dan Khairul Hafidz Zamri diletakkan dalam skuad lelaki B.

Sambil itu, pasukan perempuan A diwakili Yazlin, Yaliza Razlan, Zandra Azeila dan Voon Kim Ling. Skuad perempuan B diwakili Elaine Lam, Sharon Koh, Esther Cheah dan Enaz Diana.

Selain Malaysia, negara lain yang bertanding ialah Brunei, Taiwan, Hong

Kong, Indonesia, Jepun dan Filipina.

Acara dipertandingkan pula ialah perseorangan, berpasukan, beregu dan masters.

Malaysia dipilih sebagai tuan rumah bagi menggantikan Indonesia selepas

republik itu menarik diri akibat kejadian bom di Bali.

Sementara itu, dalam majlis sidang akhbar di Mega Lanes, semalam, Milo sebagai penaja utama kejohanan, menyampaikan tajaan mereka.

Pengurus Pemasaran Sukan dan Penajaan Nestle Products, Datuk Dina Rizal

menyampaikan tiga piala kejohanan dan barangan.

Hadir sama Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Lee Hang Soon, pengurus pasukan Malaysia, Khairuddin Saisi dan wakil penaja bersama

kejohanan, F&N Coca-cola (Malaysia) Sdn Bhd.